

Mahathir diberi sambutan penuh penghormatan di Oman

MUSCAT 3 Mac
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tiba di sini tengah hari ini untuk lawatan rasmi ke Oman - negara terakhir dalam rangka lawatannya ke negara-negara Teluk.

Ketibaan Perdana Menteri dengan penerbangan khas MAS dari Abu Dhabi diberi sambutan penuh kehormaan dalam semangat persaudaraan Islam.

Beliau disambut di Lapanganterbang Antarabangsa Seeb oleh Gabenor Muscat, Sajed Thuwainy bin Shihab yang juga penasihat kepada Sultan Kaboos.

Aturcara pertama Perdana Menteri ialah kunjungan ke atas Sultan

Kaboos di Istana Seeb di sebelah petang.

Malam ini Perdana Menteri dan rombongan akan diraikan dalam majlis makan malam oleh Gabenor Muscat, Sayed Thuwainy bin Shihab.

Esok Datuk Sri Dr. Mahathir akan mengadakan rundingan rasmi dengan pihak Oman mengenai berbagai perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Beliau juga akan meneroka bidang-bidang kerjasama yang boleh wujudkan di antara kedua buah negara di samping meninjau peluang-peluang pelaburan.

LIHAT MUKA 11
(Ruangan 4)

Mahathir diberi penghormatan

Para pegawai yang mengiringi Perdana Menteri berkata, soal ekonomi khususnya perdagangan dan penjualan langsung barang-barang keluaran Malaysia akan menjadi tajuk utama rundingan esok.

Di samping itu, Datuk Sri Dr. Mahathir juga akan menerangkan kepada Oman mengenai perkembangan-perkembangan di Asia Tenggara terutama sekali masalah yang dihadapi oleh Kam-puchea.

Pihak Oman pula akan memberi gambarannya mengenai perkembangan - perkembangan di rantau Asia Barat di samping memberi pendiriannya mengenai beberapa perkara yang menjadi masalah di rantau Tefuk Arab.

Selain dari itu, kedua buah negara akan juga membincangkan perkembangan - perkem-

bangkan dalam Islam terutama sekali tentang cara-cara memajukan umat Islam khususnya melalui pelajaran.

Selepas mengakhiri lawatannya ke negara-negara Teluk Perdana

Menteri akan berlepas ke Jeddah Jumaat ini untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa pendamai sengketa Iran-Iraq.

Beliau dijangka pulang ke tanahair Ahad ini.